

Pencapaian pelajar Bumiputera diperjelas

033

Oleh Noor Jaafar

KUALA TERENGGANU, Jumaat – Umno membuat keputusan untuk memberi penerangan mengenai pencapaian pelajar Bumiputera kepada rakyat bagi meningkatkan kecemerlangan akademik Bumiputera, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, tumpuan terhadap bidang pendidikan itu perlu kerana ia adalah cara terbaik untuk memastabatkan bangsa Melayu dan memajukan negara.

“Ini adalah antara langkah yang perlu diberi perhatian sebagaimana yang diarahkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini,” katanya selepas mempergerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno Negeri di sini, hari ini.

Beliau berkata, majlis penerangan itu perlu agar rakyat tidak dikelirukan oleh pihak tertentu mengenai tujuan sebenar kerajaan melaksanakan dasar meritokrasi bagi kemasukan pelajar Bumiputera ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Abdullah berkata, Umno sebagai parti utama dalam

Penerangan oleh Umno nanti akan dapat mengelakkan rakyat dikelirukan oleh pihak tertentu mengenai tujuan sebenar kerajaan mahu melaksanakan meritokrasi

kerajaan perlu turun ke padang bagi menjelaskan dasar itu kepada rakyat.

Beliau yang juga Pengurus Badan Perhubungan Terengganu berkata, kedudukan orang Melayu yang dulu tertinggal perlu dibela, terutama menerusi pendidikan.

“Dalam konteks kedudukan orang Melayu, sepatutnya kita bersyukur kerana Umno sudah memperjuangkannya sehingga ada masyarakat peniaga Bumiputera, yang dulu bilanganinya terlalu kecil,” katanya.

Abdullah berkata, dalam masyarakat Melayu sekarang sudah muncul golongan cendekiawan, profesional, ahli sains serta pakar dalam pelbagai bidang.

Bagaimanapun, katanya, jika dibandingkan dengan pencapaian bukan Bumiputera, orang Melayu masih ketinggalan dan perlu di-

ambil tindakan yang lebih hebat untuk meningkatkan pencapaian mereka.

Abdullah bagaimanapun kesal kerana Umno dituduh tidak memikirkan soal agama sedangkan pendekatan yang dilakukan selaras dengan kehendak Islam yang mengutamakan pendidikan.

Sementara itu, Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata Pengurusan Umno sedang menyusun program penerangan di seluruh negara mengenai dasar meritokrasi.

Beliau yang juga Menteri Penerangan berkata majlis penerangan itu dijangka dimulakan tidak lama lagi.

Dasar itu akan dilaksanakan kerajaan bertujuan menyedarkan pelajar Melayu agar mereka tidak memandang ringan soal pendidikan.